

23/10/1999

Lima '99 terima tajaan RM20,000

KUALA LUMPUR, Jumaat - HW LIMA Sdn Bhd, penganjur pameran maritim terbesar di dunia, Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa Langkawi '99 (Lima '99), menerima tajaan sebanyak RM20,000 daripada Bank Perwira Affin bagi membiayai sebahagian kegiatan pada pameran berkenaan.

Replika cek itu disampaikan Pengurus Besar Bank Perwira Affin, Abu Bakar Mohammad, kepada Pengerusi Eksekutif HW LIMA, Tan Sri Abdul Wahab Nawi di Balai Berita di sini hari ini.

Turut hadir ialah Ketua Pemasaran Perwira Affin Bank, Mohd Yusop Yahaya dan Pengurus Besar Kumpulan (Pengiklanan) New Straits Times Press, Abdul Rahim Salleh.

Bank Perwira Affin adalah bank rasmi Lima '99 manakala New Straits Times menjadi akhbar rasmi pameran berkenaan.

Terdahulu, Wahab berkata, keluasan kawasan pameran Lima '99 kali ini adalah 30 peratus lebih besar daripada pameran Lima '95.

Beliau berkata, sebanyak 285 syarikat dari 21 negara akan mengambil bahagian dalam pameran selama enam hari bermula 30 November ini di Tanjung Malai, Langkawi.

Katanya, lebih menarik ialah 18 panglima tentera laut dari 18 negara akan turut hadir dalam pameran berkenaan.

"Ini akan membolehkan syarikat yang terbabit dalam pameran berkenaan menguruskan langsung dengan mereka yang terbabit dalam membuat keputusan pembelian peralatan yang diperlukan.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga akan dibawa menaiki kapal persiaran terbaru dan terbesar di dunia iaitu MV Super Star Virgo selepas merasmikan pameran berkenaan di Jeti Tanjung Malai," katanya.

Dalam pameran maritim berkenaan, sebanyak 32 kapal perang termasuk 12 kapal milik negara luar dan selebihnya milik Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) akan dipertontonkan kepada orang ramai.

Dijangka lebih 4,000 kelasi akan berada di Langkawi sepanjang pameran berkenaan. Satu perarakan kawad sepanjang dua kilometer yang akan disertai 1,000 orang termasuk pasukan pancaragam di Jeti Kuah, turut memeriahkan suasana pameran berkenaan pada 3 Disember ini.

Pameran itu akan dibuka kepada orang ramai selama dua hari iaitu pada 4 dan 5 Disember ini dari jam 10 pagi hingga 5 petang. Masuk adalah percuma.

(END)